

## ***Keberkesanan Penggunaan Portal SLS Dalam Penulisan Penutup Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri***

**Sanisah Rahim**

sanisah\_rahim@schools.gov.sg

**Nuraishah Mahmood**

nuraishah\_mahmood@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Huamin**

### *Abstrak*

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai alat bantuan dalam pengajaran Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri. Kajian ini memfokuskan pada penggunaan portal *Student Learning Space* (SLS) yang dapat membantu murid dalam penulisan karangan mereka. Subjek kajian melibatkan murid Darjah 3 melebihi aras kebolehan (HP). Murid diperkenalkan cara menjana idea yang lebih kreatif dan menarik bagi memikirkan penutup karangan yang lebih kreatif dan mengandungi nilai atau pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui portal SLS, murid belajar secara kolaboratif dan berjaya menghasilkan penutup karangan dengan menyatakan satu nilai atau pengajaran yang berkaitan dengan gambar karangan yang diberi.

Kata Kunci: portal SLS, penutup karangan, nilai, ICT, kolaboratif

## **PENGENALAN**

Penulisan karangan berperenggan mula diperkenalkan kepada murid Darjah 3 pada awal tahun. Murid telah didedahkan kepada ciri-ciri karangan iaitu bahagian pendahuluan, isi dan penutup secara berperingkat.


Daripada hasil pemantauan, murid sering menulis penutup karangan dengan cara hampir serupa. Ini disebabkan kekurangan idea atau kurang pasti bagaimana mereka harus mengakhiri karangan mereka dengan lebih kreatif.

Bagi memperkaya penulisan karangan murid, satu cara alternatif diperkenalkan khususnya bagi bahagian penutup karangan. Menurut Che Zanariah (2011), mengajar menggunakan kaedah yang betul dan berkesan menjadi faktor peningkatan pencapaian murid dalam penulisan. Maka itu, guru telah mengenal pasti teknik penggunaan nilai atau pengajaran dalam mengakhirkan karangan untuk digunakan dalam kajian ini.

Portal SLS digunakan sebagai alat bantu pengajaran yang utama, memandangkan portal ini mempunyai fungsi yang sesuai dalam pengajaran karangan. Portal SLS ini juga membolehkan guru membuat intervensi yang sesuai untuk menangani sebarang jurang dalam pemahaman murid. Tambahan pula, portal SLS ini menggalakkan pembelajaran berpusatkan murid dan juga belajar secara berkolaborasi. Ternyata dengan adanya portal ini, murid dapat menimba pengalaman bermakna dalam pembelajaran mereka melalui teknologi.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Bahagian penutup karangan merupakan bahagian yang tidak kurang pentingnya dalam sesebuah penulisan. Penutup karangan yang baik akan melengkapkan sebuah karangan yang tersusun dan bermakna. Namun begitu, berdasarkan latihan harian dan ujian semester pertama (SA1), didapati murid Darjah 3 menulis penutup karangan yang terlalu ringkas atau kurang menarik. Antara kelemahan murid dalam menulis penutup ialah:



1. Mengakhiri karangan dengan cara yang hampir serupa iaitu dengan menulis watak mengucapkan terima kasih kepada orang yang telah menolongnya, berjanji tidak akan mengulangi perbuatan jahat atau meminta maaf dan menjadi kawan baik dengan watak lain selepas berlakunya konflik dalam cerita.
2. Menulis isi penutup yang kurang bernalas dan hanya sepintas lalu kerana tidak tahu mengembangkan idea.

Hal ini menjadikan kualiti penulisan kerana kekurangan unsur kreativiti yang membuat karangan mereka unik, menarik dan berbeza daripada karangan murid lain. Proses menulis karangan juga merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai (Nik Safiah Karim, 2004; Abdul Shukor Shaari, 2001) berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Ini menyebabkan mereka tidak dapat meraih markah yang tinggi bagi komponen karangan.

Menurut Mohd. Nashuha Jamidin (1995) pula, penguasaan penulisan terletak pada keupayaan dan cara murid berfikir. Oleh itu, murid telah diajarkan satu cara untuk menulis penutup karangan mereka dengan lebih mantap. Murid diajarkan untuk menyertakan unsur nilai atau pengajaran yang sesuai berdasarkan situasi dalam gambar karangan yang diberi. Hal ini dapat memperkaya dan menambah nilai penulisan karangan mereka.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melihat keberkesanannya penggunaan portal SLS untuk menarik minat murid dalam pembelajaran bahasa Melayu; dan
2. mendalami pengetahuan murid melebihi aras kebolehan (HP) dalam menjana idea bagi mengakhiri karangan mereka dengan memberi tumpuan kepada nilai-nilai moral yang relevan.

## **KAJIAN LEPAS**

Kementerian Pendidikan Singapura semakin menekankan penggunaan

peranti dan Teknologi Komunikasi Dan Informasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa. Portal SLS merupakan wadah yang dihasilkan untuk menyokong PdP di sekolah-sekolah Singapura. Secara khususnya, portal ini akan membantu memperkasakan murid untuk memacu pembelajaran kendiri berdasarkan keperluan dan minat, selain membolehkan mereka belajar secara kolaboratif dengan rakan-rakan.


Grabill dan Hicks (2005) juga menekankan kepentingan penggunaan teknologi dalam memupuk literasi dalam kalangan murid, memandangkan penggunaan peralatan dan bahan ICT merupakan satu wadah yang penting yang dapat meningkatkan penguasaan pelbagai literasi pada masa hadapan.

Lihat-Fikir-Tanya (LFT) atau *See-Think-Wonder* merupakan salah satu rutin berfikir yang menggalakkan murid untuk melakukan pengamatan dan interpretasi yang teliti. Rutin ini mampu merangsang perasaan ingin tahu murid dan menggalakkan mereka untuk memproses maklumat secara aktif dan tersusun. Terdapat beberapa kajian tentang penggunaan kaedah rutin berfikir dalam PdP bahasa Melayu. Antaranya, kajian Farhati Kamsani dan Nur Ain Mohamed Amin (2016) menyatakan bahawa kaedah rutin berfikir LFT yang mereka gunakan telah mendorong murid mereka menjadi lebih berdikari dan meningkatkan motivasi murid terhadap pembelajaran.

Maka itu, berlandaskan kejayaan kajian tersebut, penggunaan kaedah rutin berfikir LFT juga diperkenalkan dalam pembelajaran karangan untuk kajian ini. Ritchart, Perkins (2008) juga menyatakan bahawa rutin berfikir ini membantu murid menstrukturkan pemikiran mereka dan menjadikan mereka lebih yakin serta meningkatkan jumlah masa yang digunakan untuk menulis.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian pengajaran. Guru-guru yang terlibat sama dalam kajian turut melakukan pemerhatian sewaktu kajian pengajaran dilaksanakan. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan data yang diperoleh melalui cara pemerhatian, respons murid dan juga berdasarkan karangan murid semasa peperiksaan akhir tahun.



Kajian ini juga berlandaskan kepada tuntutan Amalan Pengajaran Singapura (STP). Guru menggunakan Aspek Pengajaran (AP) Merangsang. Berikut merupakan elemen-elemen STP yang digunakan.

**Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura**

<b>Proses Pengajaran</b>	<b>Aspek Pengajaran</b>	<b>Aktiviti Mengajar</b>
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan  Guru menggunakan cerita daripada klip video untuk merangsang minat murid. Klip video ini mempunyai unsur nilai atau pengajaran.
	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi Guru mencungkil pengetahuan sedia ada dan tanggapan murid melalui aktiviti mengajar Fikir-Berpasangan-Berkongsi. Aktiviti ini mengajak murid menyemak pemahaman mengenai sesuatu konsep yang mungkin dapat menyokong atau menghalang pembelajaran baharu. Mereka diarahkan supaya menyatakan nilai atau pengajaran berdasarkan klip video yang mereka tonton.

	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM3: Menggunakan Model Murid-murid diberikan Contoh Karangan yang mengandungi penutup karangan yang berunsur nilai atau pengajaran.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM4: Kongsi Pembelajaran Saya Guru menggunakan rubrik penilaian kendiri untuk mengukuhkan pemahaman murid dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Guru juga merangsang murid agar terus berjaya.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran yang dipilih dalam kajian ini disesuaikan dengan tujuan kajian bagi murid meraih manfaatnya. Aspek pengajaran ini juga digunakan untuk mendapatkan pelibatan kesemua murid dalam pembelajaran penulisan karangan secara aktif dan berkolaborasi.	

## Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 26 orang murid Darjah 3. Murid ini mempunyai tahap kebolehan yang tinggi. Mereka sudah biasa dengan penggunaan portal SLS dan telah didedahkan kepada ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah karangan iaitu, pengenalan, isi dan penutup karangan. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan supaya mereka dapat mengakhiri karangan mereka dengan menyertakan unsur nilai atau pengajaran yang diperoleh daripada gambar karangan bersiri.

## Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini ialah portal SLS. Portal ini mempunyai



beberapa aktiviti pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu. Aktiviti-aktiviti yang digunakan dalam kajian ini ialah:

1. Menonton Klip Video

Tontonan klip video ini merupakan bahan PdP untuk merangsang minat murid terhadap topik yang hendak dipelajari.

2. Melengkapkan Templat rutin berfikir LFT

Rutin ini digunakan untuk mencungkil pengetahuan sedia ada murid dan juga mengekalkan minat mereka terhadap pembelajaran karangan.

3. Membaca e-Bacaan (model Karangan)

Murid mendengar bacaan sebuah cerita yang berkaitan dengan topik. e-Bacaan ini sebenarnya dijadikan sebagai model karangan. Lantas, murid dapat menjana idea semasa hendak menulis karangan. Murid juga dapat menyatakan kelainan yang terdapat dalam model karangan ini.

4. Melihat Imejan - Gambar karangan bersiri

Gambar karangan bersiri ini dijadikan sebagai latihan pengukuhan.

Selain itu, portal SLS digunakan untuk menggalakkan pembelajaran kendiri dan murid juga dapat belajar secara kolaboratif. Ternyata portal SLS amat sesuai digunakan dalam PdP Bahasa Melayu kerana perisianya yang mempunyai aktiviti pembelajaran yang pelbagai.

Perisian e-pedagogi lain yang digunakan dalam kajian ini ialah *Padlet*. *Padlet* digunakan untuk menggalakkan murid memberikan respons mereka tentang nilai moral yang mereka ketahui atau pelajari dan juga memberi maklum balas terhadap respons rakan sedarjah.

## **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan langkah-langkah


yang diambil bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menulis murid Darjah 3. Sebelum kajian ini dijalankan, satu tinjauan telah dilakukan terhadap murid. Melalui tinjauan ini, murid didapati berasa lebih seronok sekiranya guru dapat menggunakan ICT dalam pelajaran penulisan karangan. Maka itu, guru mengambil keputusan untuk menggunakan ICT dalam pembelajaran karangan supaya keinginan murid tercapai dan lantas dapat menarik minat mereka untuk belajar.

Portal SLS dipilih sebagai wadah utama pembelajaran dan pengajaran dalam kajian ini disebabkan portal ini mempunyai banyak fungsi yang boleh dimanfaatkan dalam pembelajaran karangan. Ini sejajar dengan profil murid yang merupakan pribumi digital. Mereka tidak menghadapi sebarang kesukaran yang berat ketika menggunakan portal ini.

Penggunaan portal SLS didedahkan kepada murid terlebih dahulu supaya pengajaran karangan dapat dijalankan dengan lancar dan mereka faham akan kesemua fitur yang terdapat dalam portal ini.

Dalam bahagian induksi, guru memulakan pengajaran dengan menyatakan objektif pelajaran supaya murid tahu akan urutan pengajaran pada hari itu. Kemudian, guru mengarahkan murid untuk menaip nilai moral yang mereka ketahui melalui perisian *Padlet* yang disertakan di dalam portal SLS. Aktiviti ini dijalankan untuk mencungkil pengetahuan sedia ada murid. Respons ini ditayangkan atau dikongsi secara seluruh kelas. Melalui respons murid, guru mendapati bahawa mereka sudah bersedia untuk melakukan langkah seterusnya. Hampir kesemua murid dapat memberikan contoh-contoh nilai yang mereka ketahui.

Setelah itu, murid dijemput untuk menonton klip video. Klip video ini mengandungi unsur nilai atau pengajaran. Murid dikehendaki melengkapkan templat rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya yang disediakan di dalam portal setelah menonton klip video tersebut. Soalan bantuan telah pun disediakan untuk murid bagi melengkapkan templat Lihat-Fikir-Tanya ini.



### Jadual 1: Templat Rutin Lihat-Fikir-Tanya

See (Lihat)	Think (Fikir)	Wonder (Tanya)
Apakah yang kamu lihat dalam video itu?	Fikirkan nilai atau pengajaran yang terdapat dalam video itu.	Tanya diri kamu: Mengapakah kita perlu lakukan demikian?

Langkah seterusnya, guru menerangkan kepada murid bahawa fokus pembelajaran ialah mengenai nilai moral yang terdapat dalam klip video iaitu nilai tolong-menolong. Guru menjelaskan bahawa nilai sebegini boleh digunakan sebagai penutup cerita bagi sesuatu karangan.

Setelah itu, murid diarah untuk melihat gambar karangan bersiri. Mereka dikehendaki untuk mengenal pasti nilai moral yang berkaitan dengan gambar karangan itu.

Pada langkah ketiga, guru memuatnaikkan model karangan ke dalam portal. Murid diberikan masa untuk membaca model karangan secara senyap. Guru menerangkan kepada murid bahawa mereka harus memfokuskan terhadap penutup karangan. Guru bertanya soalan kepada murid:

1. Apakah kelainan yang terdapat dalam penutup karangan ini?

Setelah mendapat respons murid, guru menerangkan bahawa penutup karangan mereka juga boleh disertakan dengan nilai moral atau pengajaran. Guru menunjukkan sekali lagi bahagian penutup karangan model itu supaya murid lebih memahami bagaimana untuk menyertakan nilai moral dalam sesebuah karangan.

Kemudian, guru memberikan latihan pengukuhan dengan menggunakan gambar karangan bersiri yang lain tetapi mengandungi unsur nilai yang sama iaitu tolong-menolong. Guru menyediakan satu pernyataan sebagai perancah dalam pengajaran karangan. Pernyataan itu ialah ‘Sejak kejadian itu, dia sedar bahawa ...’.

Sebelum itu, guru menggunakan kaedah tunjuk cara untuk menerangkan kepada murid bagaimana mereka harus melengkapkan pernyataan yang diberi. Latihan ini dilakukan secara berpasangan.

Sebagai penutup, guru membuat rumusan mengenai pelajaran pada hari itu dengan memilih dan membaca beberapa penutup karangan murid. Murid juga digalakkan memberi maklum balas tentang penutup karangan yang ditulis rakan mereka. Murid juga diberi galakan untuk mengakhiri karangan mereka dengan menyertakan nilai moral atau pengajaran.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatkan kajian menunjukkan murid berasa yakin untuk menghasilkan penutup karangan dengan menyertakan unsur nilai atau pengajaran. Dapatkan ini diperoleh dari data kuantitatif seperti yang tertera di dalam Jadual 2. Tinjauan ini dilakukan di dalam kelas setelah tamat pengajaran ini.

Selain dapatan melalui tinjauan ini, data juga diperoleh setelah murid menduduki peperiksaan akhir tahun Kertas 1. Seramai 17 orang murid (65%) dapat menyertakan unsur nilai atau pengajaran dalam bahagian penutup karangan mereka dan ini membolehkan mereka dapat meraih markah yang tinggi untuk kertas tersebut.

**Jadual 2: Borang Tinjauan Bagi Penerapan Nilai Pada Penutup Karangan**

	😊😊😊😊	😊😊😊	😊😊	😊
Saya dapat memberi satu nilai atau pengajaran yang berkaitan dengan gambar karangan.	31%	58%	11%	0%
Saya dapat menyertakan satu nilai atau pengajaran dalam bahagian penutup karangan saya.	42%	50%	3.8%	0%

### **Jadual 3: Borang Tinjauan Bagi Penggunaan Portal SLS**

Portal SLS...	Ya	Tidak
1. dapat menarik minat saya dalam pelajaran karangan.	100%	0%
2. menggalakkan saya melibatkan diri dengan aktif.	88%	12%
3. membolehkan saya mengikuti pengajaran yang dijalankan guru dengan mudah.	88%	12%

Data yang diperoleh di Jadual pula, membuktikan bahawa Portal SLS dapat menarik minat murid dalam pembelajaran penulisan karangan. Oleh sebab pemilihan alat bantu pembelajaran (penggunaan ICT) merupakan pilihan murid sendiri, maka dapatan kajian menunjukkan 100% murid mengatakan bahawa portal SLS dapat menarik minat mereka untuk belajar.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, kajian ini telah mencapai objektifnya, iaitu murid berjaya menulis penutup karangan yang mengandungi nilai moral secara kreatif dan menarik. Ternyata, penggunaan portal SLS telah berjaya dimanfaatkan sebagai wadah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Namun, beberapa cadangan telah dibincangkan supaya pengajaran menggunakan portal SLS dapat dilakukan dengan lebih baik dan berkesan pada masa akan datang.

Antaranya, guru perlu pastikan murid meletakkan komputer riba mereka pada 45 darjah atau separuh skrin sebagai penanda murid sudah selesai membuat aktiviti yang diarahkan. Dengan cara demikian, guru dapat membawa perhatian murid ke aktiviti seterusnya dengan lebih berkesan.

Waktu pengajaran dicadangkan pada lain masa ialah tiga waktu. Masa tambahan diperlukan bagi murid menyediakan komputer riba sebelum pengajaran dimulakan. Akibat tidak kecukupan masa, murid tidak dapat memberi maklum balas sepenuhnya terhadap hasil kerja rakan-rakan mereka.

Akhir kata, kajian pengajaran ini membawa hasil yang memuaskan.

Maka itu, penggunaan portal SLS akan dimanfaatkan di peringkat yang lain dan juga akan diteroka penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa pula.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Hamidah Hamid
2. Kasimah Kassim
3. Sharini Mohamed Sahib
4. Sharmila Mohd Ismail

## **RUJUKAN**

Abdul Shukor Shaari. (2001). Penulisan karangan: Beberapa proses yang harus dilalui pelajar. *Dewan Bahasa*, 1 (2): 24-27.

Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. 2011. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.

Grabill, Jeffrey T. & Hicks, Troy. 2005. Multiliteracies Meet Methods: The Case for Digital Writing in English Education. *Jurnal English Education*, 37 (4): 301-311. <https://www.jstor.org/stable/40173204>

Karim, Nik Safiah. 2004. *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. DBP, Kuala Lumpur.

Mohd. Nashuha Jamidin. 1995. *Kemahiran Berfikir dan Belajar*. Fajar Bakti.

Ritchhart, Ron & Perkins, David. 2008. Teaching Students to Think: Making Thinking Visible. *Educational Leadership*, 65 (5): 57-61. [http://www.visiblethinkingpz.org/VisibleThinking\\_html\\_files/06\\_AdditionalResources/makingthinkingvisibleEL.pdf](http://www.visiblethinkingpz.org/VisibleThinking_html_files/06_AdditionalResources/makingthinkingvisibleEL.pdf)

